

BI: HAM

HAM

UCAPAN TAN SRI HAJI HAMDAN SHEIKH TAHIR,
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA, DI
HARI UCAPAN SEKOLAH MENENGAH TINGGI
UGAMA SULTAN MOHAMAD, BATU BERENDAM,
MELAKA PADA HARI SELASA, 21HB. OKTOBER.
1975 JAM 10.00 PAGI

EKSI PERIBADI
IDAN SHEIKH TAHIR

Assalam Mualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.

Yang Berhormat, Yang Berbahagia, Yang dihormati tuan-tuan dan
puan-puan sekelian.

Adalah menjadi perkara biasa kepada saya jika saya diundang
memberi ucapan pada hari-hari ucapan di sekolah bantuan Kerajaan
kerana pihak sekolah-sekolah itu memandang saya sebagai salah seorang
daripada ketua-ketua mereka. Tetapi jika undangan itu datangnya
daripada sekolah Ugama Islam seperti sekolah tuan-tuan ini saya
anggap undangan itu sebagai satu kehormatan yang sangat besar maknanya
bagi saya, terutamanya di negara Hang Tuah yang penuh dengan peristiwa

sejarah ini. Oleh itu saya tidak tahu apa perkataan yang sesuai untuk saya lapazkan kepada tuan-tuan atas kesudian dan keikhlasan tuan-tuan mengundang saya hadir dalam majlis yang permai ini dan memberi peluang pula kepada saya memberi ucapan di sini. Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala dan mengucapkan berbanyak.. banyak terimakasih kepada pihak Lembaga Pengurus Sekolah ini.

2. Melaka adalah sebuah negeri yang agak istimewa di Semenanjung Malaysia. Keistimewaan Melaka bukan kerana Tanjong Keling atau Bukit Chinanya dan bukan kerana dipandang dari kecantikan rupa paras penduduk-penduduknya atau dipandang dari kecantikan alam tabiinya atau kekayaan buminya tetapi dipandang dari segi kegemilangan dalam sejarah perjuangan orang-orang Melayu semenjak ditubuhkan Kerajaan Melayu Melaka. Daripada Melaka juga Ugama Islam berkembang ke seluruh pelusuk tanahair. Boleh dikatakan Melaka telah menempa sejarah yang sangat gemilang bagi orang-orang Melayu. Oleh itu sangatlah sesuai sekiranya di Melaka ini terdapat sebuah sekolah menengah ugama yang terkemuka yang kini menjadi pusat memberi didikan ugama Islam kepada

pelajar-pelajarnya. Selain daripada sekolah ini terdapat lagi di Negeri Melaka sebanyak 88 buah sekolah-sekolah Ugama Rakyat yang menampung bilangan murid-murid lebih daripada 8,000 orang untuk belajar Pelajaran Ugama Islam. Sekolah-sekolah itu dalam tahun ini mendapat bantuan daripada Kementerian Pelajaran hampir \$100,000/-. Ini menunjukkan adanya persefahaman dan kerjasama antara Kementerian Pelajaran dengan Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Melaka untuk memberi pendidikan Ugama Islam yang sempurna kepada pelajar-pelajar Islam yang memerlukan didikan itu.

3. Walaupun jumlah bantuan ini agak kecil tetapi sedikit sebanyak dapat juga meringankan bebanan kewangan sekolah itu. Sekolah-sekolah itu tidaklah boleh bergantung segala-galanya kepada Kerajaan semata-mata untuk mendapat bantuan kewangan kerana sekolah-sekolah itu adalah institusi-institusi persendirian (Private Institutions) dan Kerajaan tidak memberi sebarang bantuan kewangan kepada institusi-institusi ini kecuali sekolah Ugama Islam sahaja.

4. Bantuan kewangan daripada Kerajaan untuk mengembangkan Ugama Islam adalah wajar kerana ugama itu bukan sahaja dipandang dari segi kedudukannya sebagai ugama rasmi negara, malah dipandang sebagai ugama yang diakui benar dan sempurna lagi direndai oleh Allah seperti FirmanNya dalam Al-Quran

أَلْيَوْمَ أَكْتَبْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَرَحِيمٌ مُّهْمَّتُ عَلَيْكُمْ حِصْنٌ وَرَحِيمٌ لِّلْإِسْلَامِ دِينُكُمْ

ayat 3 surah Al Maidah yang bermaksud 'Pada hari ini aku sempurnakan bagi kamu ugama kamu "Islam" dan aku sempurnakan nikmat aku ke atas kamu serta aku ridai kepada kamu "Islam" sebagai Ugama kamu'.

Pengakuan ini datangnya daripada Allah, Tuhan Pencipta sekelian alam yang diwahyukan kepada Jibrail alaihissalam untuk disampaikan kepada Nabi Muhammad S.A.W. diakhir-akhir hayat baginda. Tidak kurang bilangan intelek-intelek yang bukan Islam mengakui hakikat ini, kecuali yang jahil dengan Ugama Islam dan degil sahaja yang tidak mahu berusaha melihat kebenaran Islam dan tidak mahu mengakui hakikat ini.

5. Oleh kerana kebenaran dan kesempurnaan Ugama Islam, ramai orang meminati ajaran-ajaran ugama itu dengan berbagai-bagai cara.

Ada orang yang minat untuk mempelajari ajarannya atau mengkajinya atau mendakwahkannya dan tidak pula kurang orang-orang yang sanggup berkorban mempertahankan kesuciannya serta menegakkan kebenarannya.

6. Kesempurnaan Islam ialah kerana ajarannya merangkumi peraturan-peraturan yang kemaskini untuk mengatur kehidupan yang bahagia di dunia dan akhirat samada hidup secara individu atau bermasyarakat.

7. Kehidupan yang seumpama ini bagi seseorang individu Muslim atau sesebuah masyarakat Islam dapat dicapai jika tiap-tiap individu dan anggota masyarakat itu dididik mengikut didikan Islam. Oleh itu bagi negara Islam seperti Malaysia ini maka tiap-tiap rakyatnya yang berugama Islam perlu dididik dengan didikan yang berlandaskan ajaran Ugama Islam. Hanya dengan didikan seperti itu kita dapat menyiapkan jenerasi muda yang sanggup berjuang membangun masyarakat dan negara ke arah kemajuan yang dikehendaki dan sanggup menghadapi cabaran zaman.

8. Pendidikan Islam tidak boleh dipandang dalam skop yang

sempit. Ahli Pendidik yang berpandangan sempit menghadkan pendidikan Islam sekadar mempelajari ilmu-ilmu fekah, tauhid, tasauf dan sebagainya, kerana mengikut pandangan mereka hanya itu lah sahaja ilmu yang wajib dipelajari dalam Islam. Oleh itu sekolah-sekolah ugama yang dikuasai mereka pada masa-masa yang lampau hanya menumpukan kepada pelajaran itu kepada pelajar-pelajarnya. Dengan sebab itu sekolah-sekolah seperti itu tidak dapat berkembang maju dan para lulusannya tidak dapat masuk dalam perkhidmatan Kerajaan kecuali untuk menjadi guru ugama atau pegawai ugama. Pelajaran-pelajaran Bahasa Inggeris, Sains, Ilmu Alam dan sebagainya tidak digalakkan bahkan dicurigai akan mendatangkan kesan yang tidak baik kepada peribadi pelajar-pelajar. Akibat pandangan yang sempit inilah menyebabkan sebahagian besar orang-orang Islam ketinggalan di belakang dalam negaranya sendiri daripada orang-orang lain dalam kemajuan.

9. Ada segulungan pula orang-orang Islam yang semata-mata mementingkan kehidupan dunia atau kemajuan kebendaan dengan melupakan

langsung pelajaran keugamaan atau moral serta menganggap pelajaran itu membuangkan masa dan menghalangkan kemajuan. Kesan daripada sikap yang diamalkan ini sedang kita terima sekarang, di mana keruntuhan moral ada menjadi-jadi dan perbuatan yang melanggar ajaran ugama dan kesopanan berlaku di sana-sini.

10. Kita tidak menghendaki cara pendidikan yang berat sebelah separtimana yang saya sebutkan tadi kerana cara itu adalah merugikan masyarakat, negara serta ugama, dan saya percaya cara itu juga ada bertentangan dengan ajaran Islam. Mengikut faham saya pendidikan yang kita kehendaki yang berlandaskan Islam ialah pendidikan yang meliputi bidang-bidang jasmani, rohani dan akli kerana itulah pendidikan yang sesuai dengan fitrah manusia yang dijadikan oleh Allah mempunyai ketiga-tiga unsur ini.

11. Sebagaimana yang tuan-tuan sedia maklum matalamat pendidikan yang kita hendak capaikan dalam ketiga-tiga bidang itu ialah bertujuan menjadikan orang-orang Islam itu warganegara yang beriman dan beramal salleh, dalam ertikata warganegara yang sihat dan kuat,

bertakwa dan berbudipekerti mulia, berfikiran dan berpengetahuan tinggi dalam serba serbi serta berkeupayaan menjalankan dengan sempurna tugas penting yang diamanahkan oleh Allah kepada kita iaitu mewarisi dunia ini dan memerintahnya mengikut perintah Allah seperti firmanNya dalam surah Nur ayat 55

وَلَقَدْ كُتِبَتْ فِي الرُّؤْبُورِ مِنْ بَعْدِ الرُّزْكَانِ الْأَرْضُ يُرِيدُ عِبَادِي الصَّالِحُونَ

yang bererti 'Sesungguhnya telah kami tetapkan di dalam kitab zabur setelah diberi beberapa peringatan bahawa bumi ini diwarisi oleh hamba-hambaku yang selleh', dan firman Allah lagi dalam surah Al Ambia ayat 105 yang bermaksud 'Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di kalangan kamu dan beramal selleh supaya mereka memerintah bumi ini sepetimana ia diperintah oleh orang-orang yang sebelum kamu dan supaya menegakkan ugama yang diridai bagi mereka.

12. Tujuan ini tidak akan dapat dicapai sekiranya anak-anak kita diberikan semata-mata didikan rohani. Tanpa didikan jasmani dan akli mereka tidak ada kebolehan untuk membongkarkan kekayaan Allah yang

dijadikan untuk kita di bumi ini seperti firman Tuhan:

وَخَلَقْنَاكُم مِّنْ مَاءٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ حَمَدًا لِلَّهِ

ayat 13 surah Jasiah yang bermaksud 'Kami jadikan barang-barang di langit dan di bumi semuanya daripada Allah untuk kamu'.

13. Demikian juga kita akan gagal sampai kepada tujuan hidup yang sebenar dalam Islam, sekiranya kita mementingkan pendidikan jasmani dan akal sahaja dan mencuaikan pendidikan rohani kepada anak-anak kita. Dengan pendidikan itu mereka mungkin berjaya mencapai kesenangan dan kemewahan hidup tetapi pada akhirnya segala kemewahan itu akan dipergunakan semata-mata untuk memuaskan kehendak nafsu amarah sahaja. Kita telah mempelajari daripada sejarah banyak bangsa-bangsa telah mencapai kemajuan yang tinggi di dunia ini tetapi akhirnya hancur lebur kerana berlaku keruntuhan moral dengan berluwasa di kalangan bangsa-bangsa itu yang berpunca daripada sistem pendidikan masyarakatnya yang mengabaikan pendidikan rohani.

14. Untuk mencapai tujuan hidup yang sebenar dalam Islam tiap-tiap institusi pelajaran samada sekolah-sekolah ugama atau lain-lain yang menampung pelajar-pelajar Islam hendaklah mengambil perhatian serious terhadap segala bidang pendidikan yang telah saya sebutkan tadi serta menyediakan segala kemudahan yang perlu dengan mencukupi untuk membolehkan pelajar-pelajar mendapat didikan dan ilmu pengetahuan yang sempurna seperti yang dikehendaki dalam ajaran Islam.

15. Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah kerana dengan taufik dan hidayatnya pihak-pihak yang berkenaan sekolah-sekolah ugama telah mula menyedari hakikat ini dan dengan secara beransur-ansur menyediakan kemudahan pendidikan dan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajarnya untuk mengambil peperiksaan umum yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran walaupun dalam keadaan yang masih belum memuaskan.

16. Atas kesedaran inilah juga Kementerian Pelajaran dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju mengambil-alih pentadbiran sebuah Sekolah Menengah Ugama daripada sebuah negeri mulai daripada 1hb. Januari, 1976 dengan syarat

dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Dengan langkah ini sekolah-sekolah itu akan dapat diberikan segala kemudahan pendidikan yang telah saya katakan tadi.

17. Sekalipun rancangan ini akan menghadapi banyak masaalah-masaalah tetapi saya percaya dengan izin Allah dan berkat kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan rancangan ini akan berjaya. Jika rancangan ini berjaya kita berharap pelajar-pelajar kelulusan sekolah-sekolah ini mendapat peluang yang lebih luas untuk melanjut pelajaran tinggi dan memasuki perkhidmatan Kerajaan atau swasta dalam segala lapangan.

18. Akhirnya saya lagi sekali mengucapkan ribuan terimakasih kepada tuan-tuan dan puan-puan terutamanya kepada Lembaga Pengurus Sekolah ini yang sudi menjemput saya ke sini dan saya sudahi ucapan saya ini dengan Wabillahi taufik wassallammualaikum warrah-matullahi wabarakatuh.